

JAWAPAN:

Yang Berhormat,

Kementerian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sedang membina sebuah PI1M di Pekan Niah, Parlimen Sibuti yang dijangka siap pada suku ketiga 2014 di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP). Selain daripada itu, Kementerian sedang merancang pembinaan sebuah lagi PI1M di Parlimen Sibuti pada tahun 2014.

Untuk makluman, garis panduan dan kriteria pemilihan lokasi PI1M di bawah Bajet 2013 adalah seperti berikut:

- i. Perumahan kos rendah/rakyat KPKT/KWPKB/DBKL/Kerajaan Negeri/PBT di bandar-bandar;
- ii. Tiada PI1M, pusat-pusat internet lain dan *cybercafe* di lingkungan 3km;
- iii. Mempunyai lebih daripada 250 unit keluarga;
- iv. Kemudahan asas yang lengkap seperti elektrik dan air;
- v. Ruang yang cukup dan kukuh bagi menempatkan komputer dan bilik latihan (1,200 kaki per segi dan ke atas) dan untuk sekurang-kurangnya selama 3-5 tahun penggunaan; dan
- vi. Tidak dikenakan sewa